

# SOAP teroka bumi Lanna

**Kuala Lumpur:** Sekumpulan pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) berkampung di Chiang Mai dan Chiang Rai, Thailand bagi menjalankan Society Awareness Programme (SOAP): Smiles of Lanna Land, baru-baru ini.

SOAP ialah program yang memberi penumpuan untuk mahasiswa menjalankan program berbentuk khidmat komuniti, selain pendedahan dan kesedaran mengenai kepelbagaiannya cara hidup, budaya serta agama.

Pegawai pengiring program, Siti Mahsuri Talib, berkata SOAP kali ini memfokuskan golongan kanak-kanak dengan membawakan cogan kata #smilesofChiangMaiChiangRaikids.

Beliau berkata, pemilihan bahagian utara Thailand yang turut dikenali sebagai Lanna untuk lokasi SOAP kali ini adalah satu pilihan istimewa kerana kepelbagaiannya ben-

tuk muka bumi dan latar belakang masyarakat yang unik serta terpelihara.

"Setiap siri SOAP mempunyai nilai tambah tersendiri dan kali ini kami tidak tertumpu kepada sekelompok masyarakat di satu penempatan sahaja, malah bertemu dengan masyarakat bukit, mualaf, Muslim dan Muslim Cina-Thai di beberapa lokasi berbeza di sekitar Chiang Mai serta Chiang Rai," katanya.

Penerokaan delegasi UPM di bumi Thailand bermula dengan siri jelajah ke perkampungan masyarakat bukit, Doi Pui Hmong Village di Chiang Mai.

Pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil untuk mendekati golongan kanak-kanak di sekitar kampung secara spontan untuk melengkapkan tugas yang diberikan.

Sementara itu, Pengarah program,

Melissa Zalia Safira Mamat @ Ali, berkata aktiviti menjadi lebih menarik apabila peserta diberi kebenaran dan disambut baik untuk menjalankan aktiviti di kawasan sekolah.

Katanya, sekolah yang terbabit ialah Choupoloung School dan Doi Pui Kindergarten.

"Selama tiga hari berkampung di Mualaf Centre Mae Chan yang menempatkan pelajar Civilize Pittaya School, kami berpeluang men-

dekati kehidupan 160 kanak-kanak yang berusia lima hingga 19 tahun di situ dan menjalankan pelbagai aktiviti bersama-sama mereka.

"Kehidupan sehari-hari kanak-kanak di situ bermula seawal jam 4.30 pagi dengan menunaikan solat Subuh berjemaah di masjid sebelum menjalankan pelbagai aktiviti riadah bagi ti kawasan sekitar," katanya.

Seisi perlawanan bola tampar juga diadakan bersama-sama

kanak-kanak yang berbakat di situ, selain menjalankan aktiviti seperti Kids and Calligraphy, Fruit Collage, Plant, Paint and Paste dan Flora and Fauna Bookmark DIY.

SOAP kali ini turut mencatatkan pengalaman istimewa apabila peserta berpeluang mengikuti majlis pembukaan Masjid Huaisan di perkampungan masyarakat bukit yang terletak di Doi Chang, Chiang Rai.



Peserta SOAP bersama pelajar Civilize Pittaya School di Chiang Rai.



Peserta SOAP melawat White Temple di Chiang Rai.